

Sambut Bulan Kebajikan Negara

Sambutan pada 10 September hingga 1 Oktober tahun ini, bertepatan dengan lima teras utama JKM

PUTRAJAYA - Bulan Kebajikan Negara akan disambut mulai 10 September hingga 1 Oktober tahun ini bagi mengiktiraf sumbangan kepada kumpulan sasaran oleh pelbagai pihak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, program itu platform kolaborasi strategik dan manifestasi kerjasama multisektoral antara kementerian, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat untuk kesejahteraan kumpulan sasaran di bawah Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM).

Menurutnya, program itu bertepatan lima teras utama JKM iaitu perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian.

"Sambutan Bulan



Rohani (tengah) bersama warga kementeriannya mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan bulan kemerdekaan peringkat kementerian pada majlis perhimpunan bulanan, semalam.

Kebajikan Negara ini diharapkan memberi rangsangan kepada kumpulan sasaran untuk perkasajati diri bagi tujuan pembangunan modal insan mam-

pan dan kapasiti menyeluruh penglibatan semua agensi kerajaan, swasta serta NGO," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan

kementerian, semalam.

Antara program dirancang ialah pameran dan jualan produk OKU serta warga emas, program Ziarah

INFO
• Iktiraf sumbangan kepada kumpulan sasaran oleh pelbagai pihak

Kasih, Kempen Sahabat BIJAK Self and Protect, kempen pendaftaran Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska), penyampaian bantuan alat tiruan dan penyampaian anugerah bagi penghargaan pencapaian serta sumbangan kumpulan sasaran dikenal pasti.

Pada perhimpunan bulanan itu, Rohani turut memperkenalkan Info JKM, iaitu aplikasi yang dibangunkan secara mudah alih bagi memudahkan penyampaian dan semakan maklumat mengenai perkhidmatan JKM.

Katanya, aplikasi itu akan dibangunkan secara berfasa dan dilengkapi kemudahan

carian, navigasi, perkongsian, paparan gambar dan berhubung melalui panggilan terus atau emel.

Beliau berkata, bagi fasa pertama, aplikasi dibangunkan ialah Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan yang menerima geran dan status pusat jagaan, manakala fasa kedua melibatkan Taska dan Program 2 Years Exit (2 YEP).

"Kita tahu ramai guna nama rumah kebajikan minta derma di kedai makan dan perkara ini mengganggu.

"Jadi dengan adanya aplikasi ini, anda boleh buka dan periksa sama ada rumah kebajikan disebutkan itu berdaftar dengan kementerian atau tidak. Kalau berdaftar, kerajaan sudah pun beri bantuan kewangan berbentuk geran bagi tempoh setahun," katanya. - *Bemama*